



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGGUNA, MALAYSIA SEPTEMBER 2024

Inflasi Malaysia pada September 2024 meningkat lebih rendah kepada 1.8 peratus

PUTRAJAYA, 24 Oktober 2024 - Inflasi Malaysia pada September 2024 meningkat lebih rendah kepada 1.8 peratus dengan mata indeks mencatatkan 133.2 berbanding 130.8 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran **INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP), SEPTEMBER 2024**.

Peningkatan inflasi pada September 2024 telah didorong oleh peningkatan perlahan bagi kumpulan utama Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.1%). Ini diikuti oleh Pengangkutan (1.1%); Minuman Alkohol & Tembakau (0.8%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (0.6%) serta Maklumat & Komunikasi (0.4%). Manakala, Pakaian & Kasut kekal berada dalam jajaran negatif iaitu negatif 0.3 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa inflasi Rekreasi, Sukan & Kebudayaan (2.1%) meningkat lebih tinggi pada September 2024 (Ogos 2024: 2.0%). Ini disebabkan oleh peningkatan inflasi subkumpulan utama Perkhidmatan rekreasi pada 4.0 peratus (Ogos 2024: 2.8%). Sementara itu, Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.1%); Makanan & Minuman (1.6%); Kesihatan (1.6%); Pendidikan (1.5%) dan Insurans & Perkhidmatan Kewangan (0.5%) meningkat pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya.

Kumpulan Makanan & Minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP meningkat 1.6 peratus pada September 2024, kadar yang sama direkodkan pada Ogos 2024. Subkumpulan utama Makanan di rumah meningkat 0.4 peratus (Ogos 2024: 0.3%) terutamanya disumbangkan oleh inflasi kelas perbelanjaan Daging yang merekodkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus (Ogos 2024: -0.7%).

Daging ayam segar yang merupakan komponen terbesar (32.6%) dalam kelas perbelanjaan Daging telah merekodkan kenaikan 1.3 peratus (Ogos 2024: -2.2%). Berdasarkan pengumpulan data oleh pihak DOSM, purata harga Ayam standard Malaysia pada September 2024 adalah RM10.47 sekilogram berbanding RM10.01 sekilogram pada September 2023 (Ogos 2024: RM10.15). Manakala, purata harga Ayam standard di peringkat Semenanjung Malaysia pada September 2024 adalah RM9.38 sekilogram berbanding RM9.28 sekilogram pada September 2023 (Ogos 2024: RM9.27).

Inflasi kelas perbelanjaan Sayur-sayuran mencatatkan peningkatan lebih rendah iaitu 1.9 peratus pada September 2024 (Ogos 2024: 2.2%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, inflasi kelas perbelanjaan ini menurun kepada negatif 0.6 peratus (Ogos 2024: -1.0%). Antara sayur-sayuran yang merekodkan penurunan ketara adalah Tomato (-5.6%), Terung (-4.4%) dan Timun (-4.0%). Di samping itu, subkumpulan utama Makanan di luar rumah menyederhana kepada 2.8 peratus berbanding 3.1 peratus pada bulan sebelumnya. Antara item yang mencatatkan kenaikan lebih rendah pada September 2024 ialah Nasi beriani, Nasi campur dan Nasi ayam.

Selain itu, inflasi Pengangkutan meningkat perlahan kepada 1.1 peratus pada September 2024 berbanding 1.3 peratus pada Ogos 2024. Peningkatan tersebut disumbangkan oleh subkumpulan utama Pengurusan peralatan pengangkutan persendirian yang meningkat kepada 1.4 peratus pada September 2024 (Ogos 2024: 1.8%). Antara item yang merekodkan kenaikan lebih rendah ialah Diesel, 16.7 peratus (Ogos 2024: 21.0%). Pada September 2024, purata harga Diesel di Semenanjung Malaysia adalah RM3.04 seliter berbanding RM2.15 seliter pada September 2023 (Ogos 2024: RM3.27). Manakala, purata harga Diesel bagi Sabah,

Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Di samping itu, harga runcit Petrol tanpa plumbum RON97 pada September 2024 menurun kepada RM3.28 seliter berbanding RM3.40 seliter pada September 2023 (Ogos 2024: RM3.47).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, berhubung dengan inflasi di peringkat negeri, kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 1.8 peratus. Walau bagaimanapun, inflasi bagi empat negeri meningkat melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.1%), Pahang (2.7%), Sarawak (2.3%) dan Selangor (2.3%). Kesemua negeri mencatatkan peningkatan dalam inflasi Makanan & Minuman kecuali Wilayah Persekutuan Labuan (-0.1%). Kadar tertinggi dicatatkan oleh Selangor pada 2.8 peratus, diikuti oleh Pahang (2.2%), Pulau Pinang (2.0%) dan Sarawak (1.6%). Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi Makanan & Minuman nasional iaitu 1.6 peratus pada September 2024.

Inflasi keseluruhan secara bulanan pada September 2024 kekal tidak berubah berbanding Ogos 2024. Walaupun kumpulan utama Makanan & Minuman; Minuman Alkohol & Tembakau; Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan dan Restoran & Perkhidmatan Penginapan masing-masing mencatatkan peningkatan 0.1 peratus pada September 2024, namun ia diimbangi dengan penurunan kumpulan Pengangkutan (-0.2%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (-0.1%); Kesihatan (-0.1%) dan Maklumat & Komunikasi (-0.1%).

Inflasi bagi suku tahun ketiga 2024 kekal 1.9 peratus (ST2 2024: 1.9%). Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, inflasi Malaysia meningkat 0.4 peratus (ST2 2024: 0.6%). Sementara itu, inflasi teras meningkat lebih rendah sebanyak 1.8 peratus pada September 2024 (Ogos 2024: 1.9%). Peningkatan ini didorong oleh kumpulan utama Restoran & Perkhidmatan Penginapan (3.2%); Penjagaan Diri, Perlindungan Sosial & Pelbagai Barangan & Perkhidmatan (3.1%) dan Makanan & Minuman (2.3%).

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Khamis, 24 Oktober 2024**

Bagi perbandingan inflasi dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia (1.8%) lebih rendah berbanding inflasi di Vietnam (2.6%) dan Filipina (1.9%). Manakala, kadar tersebut lebih tinggi berbanding Republik Korea (1.6%), Thailand (0.6%) dan China (0.4%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
24 OKTOBER 2024**

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 24 Oktober 2024

Carta 1


Inflasi Keseluruhan Malaysia, Januari 2011 - September 2024



Nota: *Purata inflasi bagi tempoh Januari 2011 hingga September 2024


Carta 2

Inflasi Keseluruhan Malaysia, Inflasi Teras dan Inflasi Tanpa Bahan Api, September 2023 - September 2024



Carta 3


Inflasi bagi Kumpulan Pendapatan Bawah RM3,000, September 2023 - September 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 24 Oktober 2024


Carta 4

Inflasi mengikut Kuadran, Ogos 2024 & September 2024




Carta 5

Taburan Inflasi Makanan dan Bukan Makanan yang Meningkat ≤10%, Ogos 2024 & September 2024



Carta 6


Purata Harga Petrol Tanpa Plumbum RON95, Petrol Tanpa Plumbum RON97 dan Diesel, September 2023 - September 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 24 Oktober 2024


Carta 7

Inflasi mengikut Kumpulan Utama, Ogos 2024 & September 2024



Carta 8


Inflasi bagi Makanan & Minuman, September 2023 - September 2024



Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 24 Oktober 2024

Carta 9

Inflasi mengikut Negeri, Ogos 2024 & September 2024




Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

Ogos 2024 | September 2024

Carta 10

Inflasi bagi Negara Terpilih, September 2023 - September 2024




Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 24 Oktober 2024


Carta 11

Harga Komoditi Terpilih Global


Minyak Mentah (US\$/bbl)




Gas Asli (Indeks 2010=100)




Minyak Sawit Mentah (US\$/mt)




Jagung (US\$/mt)




Daging (US\$/kg)




Daging Ayam (US\$/kg)




Kacang Soya (US\$/mt)




Gandum (US\$/mt)



Gula (US\$/kg)



Minyak Kelapa (US\$/mt)



■ Harga komoditi dunia (AS\$) — Peratus perubahan tahun ke tahun

Sumber: Commodity Monthly Prices, World Bank

Nota:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

CONSUMER PRICE INDEX, MALAYSIA SEPTEMBER 2024

Malaysia's inflation in September 2024 eased to 1.8 per cent

PUTRAJAYA, 24 October 2024 - Malaysia's inflation in September 2024 eased to 1.8 per cent with the index points stood at 133.2 as against 130.8 in the same month of the previous year. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today on the release of **CONSUMER PRICE INDEX (CPI), SEPTEMBER 2024**.

The increase of inflation in September 2024 was driven by the slower increase in the main groups of Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.1%). This was followed by Transport (1.1%); Alcoholic Beverages & Tobacco (0.8%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (0.6%) and Information & Communication (0.4%). Meanwhile, Clothing & Footwear remained at negative territory at negative 0.3 per cent.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed that inflation for Recreation, Sport & Culture (2.1%) increased higher in September 2024 (August 2024: 2.0%). This was due to the increase in inflation for main subgroup of Recreational services at 4.0 per cent (August 2024: 2.8%). Meanwhile, the inflation in Restaurant & Accommodation Services (3.2%); Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (3.1%); Food & Beverages (1.6%); Health (1.6%); Education (1.5%) and Insurance & Financial Services (0.5%) increased at the same rate as the previous month.

The Food & Beverages group which contributes 29.8 per cent of the total CPI weight increased by 1.6 per cent in September 2024, the same rate as recorded in August 2024. The main subgroup of Food at home increased by 0.4 per cent (August 2024: 0.3%) mainly due to the inflation in the expenditure class of Meat which recorded an increase of 0.7 per cent (August 2024: -0.7%).

Chicken as the largest component (32.6%) in the expenditure class of Meat recorded an increase of 1.3 per cent (August 2024: -2.2%). Based on data collected by DOSM, the average price of Standard chicken in Malaysia for September 2024 was RM10.47 per kilogramme as compared to RM10.01 per kilogramme in September 2023 (August 2024: RM10.15). Meanwhile, the average price of Standard chicken in Peninsular Malaysia for September 2024 was RM9.38 per kilogramme as compared to RM9.28 per kilogramme in September 2023 (August 2024: RM9.27).

Inflation for the expenditure class of Vegetables recorded a lower increase of 1.9 per cent in September 2024 (August 2024: 2.2%). As for month-on-month comparison, the inflation for this expenditure class decreased to negative 0.6 per cent (August 2024: -1.0%). Among the vegetables that recorded a significant decrease were Tomato (-5.6%), Brinjal (-4.4%) and Cucumber (-4.0%). Besides, the main subgroup of Food away from home moderated to 2.8 per cent as compared to 3.1 per cent in the previous month. Among the items that recorded a slower increase in September 2024 were Biryani rice, Rice with side dishes and Chicken rice.

Furthermore, inflation for Transport eased to 1.1 per cent in September 2024 as compared to 1.3 per cent in August 2024. The increase was contributed by the main subgroup of Operation of personal transport equipment which increased to 1.4 per cent in September 2024 (August 2024: 1.8%). Among the items that recorded a lower increase were Diesel, 16.7 per cent (August 2024: 21.0%). In September 2024, the average price for Diesel in Peninsular Malaysia was RM3.04 per litre as compared to RM2.15 per litre in September 2023 (August 2024: RM3.27). However, the average price of Diesel for Sabah, Sarawak and Wilayah Persekutuan Labuan remained at RM2.15 per litre. In addition, the average price of Unleaded petrol RON97 in September 2024 decreased to RM3.28 per litre as against RM3.40 per litre in September 2023 (August 2024: RM3.47).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that, with regards to inflation at the state level, most of the states recorded increases below the national inflation level of 1.8 per cent. However, inflation for four states were above the national inflation level namely Pulau Pinang (3.1%), Pahang (2.7%), Sarawak (2.3%) and Selangor (2.3%). All states registered an increase in the inflation of Food & Beverages except Wilayah Persekutuan Labuan (-0.1%). The highest rate was recorded by Selangor at 2.8 per cent, followed by Pahang (2.2%), Pulau Pinang (2.0%) and Sarawak (1.6%). Meanwhile, other states showed an increase below the national inflation of Food & Beverages of 1.6 per cent in September 2024.

The overall monthly inflation for September 2024 remained unchanged as against in August 2024. Although the main groups of Food & Beverages; Alcoholic Beverages & Tobacco; Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services and Restaurant & Accommodation Services recorded an increase of 0.1 per cent in September 2024 respectively, this was offset by a decline in the Transport group (-0.2%); Furnishings, Household Equipment & Routine Household Maintenance (-0.1%); Health (-0.1%) and Information & Communication (-0.1%).

Inflation for the third quarter of 2024 remained at 1.9 per cent (Q2 2024: 1.9%). As for quarter-on-quarter comparison, Malaysia's inflation increased 0.4 per cent (Q2 2024: 0.6%). Meanwhile, core inflation increased slower at 1.8 per cent in September 2024 (August 2024: 1.9%). The increase was due to Restaurant & Accommodation Services (3.2%); Personal Care, Social Protection & Miscellaneous Goods & Services (3.1%) and Food & Beverages (2.3%).

In comparison to inflation in other selected countries, inflation in Malaysia (1.8%) was lower than inflation in Vietnam (2.6%) and Philippines (1.9%). However, the rate was higher than the Republic of Korea (1.6%), Thailand (0.6%) and China (0.4%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 24 October 2024


The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
24 OCTOBER 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 24 October 2024

Chart 1 Malaysia Headline Inflation, January 2011 - September 2024



Note: * Average inflation for the period of January 2011 to September 2024

Chart 2 Malaysia Headline Inflation, Core Inflation and Inflation without Fuel, September 2023 - September 2024




Chart 3 Inflation for Income Group Below RM3,000, September 2023 - September 2024




Chart 4

Inflation by Quadrant, August 2024 & September 2024




Chart 5

Distribution of Inflation for Food and Non-Food that Increased ≤10%, August 2024 & September 2024




Chart 6

Average Price of Unleaded Petrol RON95, Unleaded Petrol RON97 and Diesel, September 2023 - September 2024




Chart 7

Inflation by Main Group, August 2024 & September 2024




Chart 8

Inflation for Food & Beverages, September 2023 - September 2024





Chart 9

Inflation by State, August 2024 & September 2024



Note: W.P. refers to Wilayah Persekutuan

August 2024 | September 2024

Chart 10

Inflation of Selected Countries, September 2023 - September 2024





Chart 11

Global Selected Commodity Prices



Global commodity price (US\$) — Percentage change year-on-year

Source: Commodity Monthly Prices, World Bank

Notes:

Bbl : Brazilian Butt Lift (barrel) (1bbl = 159 litres)

Mt : Million Tonne

Mmbtu : Metric Million British Thermal Unit